

# Kayveas akan umum salah laku secara terbuka

UM 29 OCT 2003

KUALA LUMPUR 28 Okt. -- Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas menegaskan beliau akan mengumumkan secara terbuka pelbagai aduan orang ramai mengenai salah laku dalam agensi kerajaan, sekiranya terdapat pihak yang masih mempertikaikan kenyataannya berhubung perkara itu.

Menurut Kayveas, sekiranya ada pihak yang bertindak seperti 'malaikat' untuk menafikan kenyataan berkenaan, pengumuman secara terbuka itu merupakan cara terbaik untuk membuktikan bahawa beliau bukan bercakap kosong.

Pengumuman itu, kata beliau, akan merangkumi nama pengadu, alamat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengadu supaya boleh dibuat susulan oleh pihak berkenaan.

Kayveas berkata, beliau merasa amat kesal kenyataannya mengenai salah laku agensi kerajaan terutamanya dalam Pihak Berkuasa Tempatan sering disusuli oleh kenyataan-kenyataan yang membidas beliau.

"Saya hanya merujuk kepada segelintir mereka yang melakukan kesalahan itu. Saya tidak kata semua dan tidak berniat untuk menyinggung perasaan mana-mana pihak kerana hanya merujuk kepada mereka yang melakukan kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian di lobi Parlimen bagi mengu-

las kenyataan Setiausaha Agung Cuepacs, Datuk Abdul Rahman Manan; Datuk Bandar Ipoh, Datuk Sirajuddin Salleh dan Exco Johor, Datuk Jimmy Low Boon Hoong dalam sebuah akhbar hari ini yang tidak setuju dengan ucapan Kayveas di Perhimpunan Agung Parti Progressif Penduduk (PPP), Ahad lalu.

Sambil menyamakan ucapannya itu seperti ucapan perasmian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Sidang Kemuncak Ke-10, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kerana mencetuskan kontroversi di kalangan negara asing, Kayveas meminta pihak yang mengkritiknya agar jangan mudah melatah.

Sebaliknya, beliau mencahar pihak berkenaan agar turun padang dengan membuat kaji selidik mengenainya.

"Anda turun padang dan tanya 100 atau 1,000 orang mengenai mutu perkhidmatan agensi kerajaan.

"Jika rata-rata bersetuju dengan anda, saya akan tarik balik apa yang telah saya katakan mengenainya," jelas beliau.

Kayveas dalam ucapan di Perhimpunan Agung PPP, telah menyelar agensi-agensi kerajaan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan yang disifatkan sebagai tidak membantu wakil-wakil rakyat dalam menjalankan tugas mereka.